

SISTEM RANGKAIAN PENDINGINAN DAERAH BAWAH TANAH

Beberapa bangunan di Marina Bay dapat jimat tenaga lebih 40%



SISTEM PENDINGINAN BAWAH TANAH: Encik Wong (dua dari kiri) meninjau sistem rangkaian pendinginan daerah bawah tanah Singapore District Cooling (SDC) yang berupaya membantu bangunan di kawasan kewangan Marina Bay menjimatkan tenaga. – Foto SINGAPORE POWER

BEBERAPA bangunan utama di kawasan kewangan Marina Bay kini dapat menjimatkan tenaga sebanyak lebih 40 peratus dengan sistem rangkaian pendinginan daerah bawah tanah.

Menteri Pembangunan Negara, Encik Lawrence Wong, merasmikan operasi loji sistem Singapore District Cooling (SDC) – sebuah anak syarikat di bawah Singapore Power (SP) – yang baru selesai projek pengembangannya semalam.

Pendinginan daerah melibatkan proses penghasilan air sejuk yang disalurkan kepada bangunan di daerah itu, yang antara lain bagi sistem hawa dingin di bangunan-bangunan di situ.

Selain berupaya menjimatkan tenaga, sistem bawah tanah dengan rangkaian paip sepanjang lima kilometer itu juga boleh membantu bangunan di kawasan

tersebut mengatasi cabaran ruang mereka dan menjimatkan kos kerana kini mereka tidak perlu memasang alat pendingin atau menara pendingin di bumbung bangunan sendiri.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Penguasa Pembangunan Semula Bandar (URA), Encik Ng Lang, menyifatkan usaha membangunkan rangkaian pendinginan daerah bagi kawasan Marina Bay itu sebagai idea berani yang memakan masa bertahun-tahun untuk menjadi kenyataan.

Sebagai contoh, projek itu melibatkan kawasan lantai kasar (GFA) kira-kira 1.25 juta meter persegi di Marina Bay yang ditetapkan sebagai zon rintis bagi projek Sistem Pendinginan Daerah itu.

Pemaju di One Raffles Quay dan Marina Bay Sands membina ruang bagi loji

pendinginan daerah itu sebagai sebahagian syarat tender tanah pemerintah.

Hasilnya, dua loji – satu di besmen One Raffles Quay dan satu lagi di besmen Bayfront Avenue di Marina Bay Sands – disepadukan sementara loji yang ketiga terletak di One Marina Boulevard.

“Hari ini kita meraih manfaatnya hasil perancangan awal dan reka bentuk yang difikirkan dengan teliti, serta usaha mencipta lebih ruang dan menjimat kos bagi mengurangkan pengeluaran karbon,” kata Encik Ng.

Dalam pada itu, SDC turut mengumumkan semalam bahawa Marina One di Marina South telah menandatangani perjanjian dengan pihaknya.

Ini bermakna SDC kini menawarkan khidmat kepada 12 pelanggan secara keseluruhan.